

Rencana Pengarang/*Editorial Note* Gender dan Seksualiti di Alam Melayu: Wacana, Tanggapan dan Manifestasi

Koleksi rencana dalam isu khas ini yang memberi pelbagai gambaran mengenai gender dan seksualiti di Alam Melayu itu berasal dari kertas kerja yang telah di bentang dalam *Seminar Gender dan Seksualiti: Wacana, Interpretasi dan Manifestasi* yang dianjurkan Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 10 Ogos 2004. Kajian gender dan seksualiti menggunakan perspektif dari Barat sudah mempunyai sejarah yang panjang, tetapi pengajian yang menggunakan data dari Alam Melayu dan lensa tempatan masih terlalu muda. Oleh sebab seksualiti tidak dibincangkan secara terbuka dan ilmiah, maka rencana yang dikumpulkan ini telah mengemukakan penemuan baru di Alam Melayu.

Bertolak daripada matlamat tersebut, rencana Ruzy Suliza Hashim yang bertajuk *Meniti Duri dan Ranjau: Pembikinan Gender dan Seksualiti dalam Konteks Dunia Melayu*, berusaha untuk memahami soal pembikinan gender dan seksualiti di Alam Melayu melalui pengamatan beliau terhadap aspek teori Barat dengan memanfaatkan data empirik. Ruzy juga membangkitkan dikotomi antara medan awam dan medan domestik yang beliau melingkari pemahaman tentang masyarakat Melayu terhadap gender dan seksualiti. Dikotomi itu banyak dipengaruhi faktor yang bersifat biologi yang mewarnai persepsi masyarakat Melayu tentang peranan serta penglibatan kaum wanitanya yang kebanyakannya berlegar di sekitar medan domestik, berbanding kaum lelakinya yang lebih bebas menerokai medan awam.

Persepsi itu juga telah menimbulkan ketaksamaan dalam pemahaman masyarakat Melayu tentang gender dan seksualiti. Menurut Ruzy, hal itu dapat dikesan sejak dahulu lagi sebagaimana yang dimanifestasikan dalam karya sastra tradisional, baik lisan mahupun tulisan. Keterbatasan peranan serta sumbangan wanita Melayu kepada medan domestik tergambar dalam cerita lisan yang banyak memperagakan watak wanita dengan peranan serta sumbangan mereka berpusat di medan domestik. Walaupun ada cerita dan hikayat yang memperlihatkan perjuangan wanita di medan awam, namun disebabkan keterikatan dikotomi gender tersebut, wanita pada kesudahan cerita akan kembali semula ke medan domestik, dan mengembalikan semula kaum lelaki pada kedudukan mereka di medan awam. Oleh itu, medan domestik tetap dianggap medan fitrah yang diterima wanita. Dikotomi gender seumpama ini, menurut Ruzy, tidak lebih merupakan satu bikinan budaya, dan tidak terlepas daripada cabaran dan pertikaian.

Selanjutnya, rencana Ahmad Shehu Abdussalam *Gender and Sexuality: An Islamic Perspective* telah menggarap perspektif wasatiyyah untuk memahami gender dan seksualiti. Perspektif wasatiyyah bermaksud pemahaman yang berteraskan pengajaran Islam, tanpa dipengaruhi faktor budaya. Ahmad Shehu

berpendapat Islam telah memberi panduan yang jelas untuk lelaki dan wanita supaya saling melengkapi seperti yang telah diaturkan Allah (SWT). Sehubungan itu, al-Quran dan hadis telah membetulkan pengaruh bahasa dan budaya yang menyebabkan kesilapan interpretasi, serta memberi contoh panduan Islam. Ahmad Shehu menyatakan Islam tidak mempraktikkan diskriminasi jantina.

Dalam konteks ini juga, Haji Muhammad Bukhari Lubis dalam rencana ulsannya *Argumen Kesetaraan Gender - Perspektif al-Quran: Suatu Ulasan* telah menawarkan perbincangan asas tentang soal gender dan seksualiti menurut perspektif Islam. Dengan menjadikan buku *Argumen Kesetaraan Gender - Perspektif al-Quran*, hasil tulisan Nasaruddin Umar sebagai bahan, Muhammad Bukhari membangkitkan dua perkara pokok yang menjadi asas dalam perbincangan al-Quran tentang soal perhubungan antara lelaki dan perempuan, iaitu perbezaan (*distinction*) dan pembezaan (*discrimination*). Menurut Muhammad Bukhari, Islam tidak mewajarkan pembezaan yang sendeng memperakukan dominasi satu jantina ke atas yang lain; tetapi perbezaan yang diperakukan itu telah menjadi landasan kepada termetrinya ikatan kasih sayang (*mawaddah wa rahmah*) antara kedua-dua jantina yang saling memahami peranan serta sumbangan mereka. Pemahaman gender dan seksualiti seumpama ini, menurut beliau, menepati matlamat undang-undang Islam dalam mewujudkan keadilan dan kebajikan serta keamanan dan ketenteraman dan juga menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran di sisi Islam (Abdullah Yusuf Ali 1938:1056; Khan 1990:31).

Berasaskan pengertian dan falsafah tadi, Muhammad Bukhari berpendapat bahawa tulisan Nasruddin Umar telah mempertikaikan pandangan yang menganggap Islam mengesahkan soal pembezaan peranan serta sumbangan antara lelaki dan perempuan. Pemahaman seumpama ini rata-ratanya diaju serta diterima sebagai antara pandangan Islam yang sah mengenai gender dan seksualiti: peranan serta sumbangan wanita umumnya digambarkan terbatas pada medan domestik, seperti yang diamati Ruzy, walaupun pada hakikatnya ia berbeza di sisi Islam. Ini terserlah dalam citra wanita yang tergambar dalam al-Quran. Tokoh-tokoh wanita dengan peranan serta sumbangan mereka yang menjangkau bidang politik, ekonomi dan kemasyarakatan (medan awam), menurut Muhammad Bukhari, mengisyaratkan bahawa Islam tidak sekali-kali membataskan penglibatan wanita pada medan domestik. Dalam konteks ini, pandangan Nasruddin Umar, sebagaimana yang diulas Muhammad Bukhari, memperkukuhkan lagi pengamatan Ruzy tentang dikotomi gender dan seksualiti masyarakat Melayu yang lebih merupakan satu binaan budaya, dan tidak semestinya yang terbentuk berasaskan keprihatinan serta pegangan mereka terhadap Islam.

Lanjutan daripada persoalan itu, rencana Shamsul A.B. dan Mohamad Fauzi Bin Sukimi *Making Sense of Malay Sexuality: An Exploration* telah menawarkan pengamatan yang menarik. Dengan mempertikaikan biologi sebagai faktor tunggal, serta memperakukan pemahaman tentang seksualiti manusia yang condong sebagai binaan sosio-budaya dan sejarah, beberapa peristiwa penting yang

berlaku di Malaysia telah dijadikan bahan pengamatan mereka. Pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Anwar Ibrahim oleh Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed, dianggap menawarkan beberapa pengamatan, terutamanya soal beranjaknya sfera pemahaman orang Melayu tentang seks dan seksualiti. Ini secara khusus merujuk kepada sebab pemecatan Anwar serta kenyataan terbuka mengenainya yang dilakukan Mahathir. Cara pengendalian beberapa kes skandal seks sebelum kes Anwar dikatakan pernah melibatkan juga pemimpin UMNO, tetapi ditangani dalam lingkungan sfera peribadi (*private sphere*), dalam erti kata sama ada dinasihatkan meletakkan jawatan atas alasan peribadi, atau dibiarkan begitu sahaja dengan tanggapan ia satu “gosip politik”. Ini memberi gambaran seolah-olah seks dan seksualiti adalah “taboo” dalam masyarakat Melayu, maka tidak boleh diberi reaksi atau respon yang terbuka. Gambaran tersebut menurut Shamsul dan Fauzi tergugat dengan pemecatan Anwar yang dilakukan atas alasan “jenayah seks”, selain diberi reaksi dan respon secara terbuka dalam sfera awam serta menerima publisiti serta reaksi awam yang cukup luas. Walaupun seks dan seksualiti banyak dimanifestasikan dalam kesusasteraan tradisional, tetapi adalah jelas pada pengamatan Shamsul dan Fauzi mengenai punca serta cara pemecatan Anwar yang sedemikian menjadi manifestasi tentang berlakunya anjakan sfera dalam pemahaman orang Melayu tentang seks dan seksualiti, iaitu daripada sfera peribadi kepada sfera awam. Kini, perbualan mengenai perlakuan seks bukan lagi perkara taboo yang dianggap peribadi; sebaliknya telah menjadi bahan perbualan santai di tempat-tempat awam. Perubahan itu banyak dipengaruhi arah penulisan media dalam melaporkan perkembangan kes Anwar di mahkamah. Menurut kedua-dua penulis ini, perkataan yang eksplisit dapat menggambarkan objek serta pelakuan seks manusia mengisi laporan sebahagian besar akhbar Melayu yang melaporkan kes tersebut. Ini sekali gus menjadi manifestasi bahawa soal seks dan seksualiti tidak lagi berlegar dalam sfera peribadi masyarakat Melayu. Sehubungan itu, pengamatan Shamsul dan Fauzi telah menawarkan rumusan bahawa ukuran salah/betul atau jenayah/bukan jenayah sesuatu pelakuan seks itu turut ditentukan secara signifikan oleh pertimbangan di luar Islam. Dalam kes Anwar tersebut, ia merujuk kepada persaingan serta percaturan kuasa politik.

Rencana Ding Choo Ming *Wajah Terbuka dan Hidup Tertutup: Gender dan Seksualiti Karya Sastera Melayu Riau Pinggir Abad ke 19* menyorot peranan serta sumbangan yang terbatas wanita Melayu dalam masyarakat feudal, serta banyak bergantung kepada peranan serta sumbangan daripada lelaki. Ini juga merujuk kepada keterbatasan peranan serta sumbangan wanita Melayu yang lebih banyak berlegar di sekitar medan domestik, berbanding medan awam. Tembok pemisahan yang tebal antara kedua-dua medan itu juga telah menyebabkan suara kaum wanita Melayu pada zaman tersebut sukar kedengaran dalam lingkungan medan awam. Ding berusaha untuk menampilkan dua orang wanita Melayu dari Pulau Penyengat, iaitu Katijah Terung (1885-1955) dan Raja Aisyah Sulaiman (1870-1925), yang dianggap berupaya membolosi tembok yang

memisahkan medan domestik dan medan awam. Katijah Terung berkhidmat sebagai bomoh sebelum berkahwin dengan Raja Haji Abdullah. Perkahwinannya dengan seorang tokoh masyarakat yang terkenal dapat dilihat juga sebagai satu kelebihan yang memungkinkan Katijah muncul di medan awam sebagai orang yang disegani. Kewujudan manual seks suami isteri karangan Khatijah memberi petanda bahawa suaranya yang telah berkumandang di medan awam itu pada asasnya masih memperkatakan hal yang bersifat domestik. Dalam hal ini, penampilan Raja Aisyah Sulaiman di medan awam dapat dianggap lebih berkesan serta menyakinkan, terutamanya apabila penglibatan beliau di medan awam semakin giat setelah kemangkatan suaminya, serta aspirasi beliau terus-menerus menulis yang dianggap sebagai protes terhadap tekanan serta godaan daripada lelaki. Begitu juga dengan isi karya Raja Aisyah yang meskipun berbentuk naratif, dan bukannya deskriptif sebagaimana Katijah. Namun menurut Ding, beliau telah mencerminkan sejenis wacana feminis, terutamanya kritikan beliau terhadap kelemahan kaum lelaki. Ini sekurang-kurangnya menjadi petanda tentang minat serta kecenderungan tulisan Raja Aisyah terhadap perkara di luar batasan domestik. Karya kedua-dua tokoh yang diajukan dalam tulisan Ding ini dapat menjadi manifestasi bahawa usaha ke arah merobohkan tembok pemisah antara kedua-dua medan tersebut telah dirintis wanita Melayu, sekurang-kurangnya pada awal abad ke 19 Masihi.

Manifestasi gender dan seksualiti ini dilanjutkan lagi dalam rencana Washima Che Dan yang menerapkan pendekatan sosiolinguistik dalam kajiannya ke atas novel-novel Melayu. Bertolak daripada premisnya yang mengaitkan kemerosotan tamadun bangsa dengan kemerosotan bahasa di satu pihak dan memperakukan pengaruh yang bersifat politik terhadap kemerosotan bahasa di pihak yang lain, Washima mengenal pasti permasalahan dalam kesusasteraan Melayu dalam menangani soal seks dan seksualiti. Bertunjangkan premis ini, beliau menawarkan perspektif yang penting dengan membangkitkan pengertian sastera dalam kesusasteraan Melayu yang bertunjangkan dua pemahaman pokok: bahasa yang indah dan isi yang berfaedah. Berpegangkan pengertian itu, Washima menghujahkan kecenderungan sastera Melayu kini terhadap penggunaan bahasa yang bersifat eksplisit dalam menangani soal seks dan seksualiti.

Lanjutan itu, Noritah Omar dalam rencananya *Colonialism and Malay Masculinity: Reading Malay Satire in Kawin-kawin* telah menilai semula novel *Kawin-kawin* sebagai sebuah satira yang mengkritik masyarakat Melayu. Beliau menganalisis kedudukan novel tersebut sebagai karya satira dan seterusnya merungkaikan potensi serta kesesuaiannya dalam tradisi kesusasteraan Melayu. Dengan menggunakan perspektif feminis pascakolonial, Noritah mengenalpasti dominasi budaya yang mengabsahkan kuasa lelaki ke atas wanita. Perkahwinan *mut'ah* memberi gambaran wanita sebagai objek untuk memuaskan nafsu seks lelaki. Pemerhatian Noritah mengenai dominasi budaya, termasuk aspek hegemoni lelaki dan kolonialisme yang tersirat dalam sastera Melayu. Kedua-dua aspek ini mempunyai persamaan dari segi fungsi dan kesan ke atas kumpulan yang

terpinggir. Menurut Noritah, subjek yang menjadi pilihan novel *Kawin-kawin* adalah Islam. Sebagai subjek, ia terdedah kepada manipulasi teknik satira dalam sastera Barat dalam usaha novelisnya menimbulkan kesan satira. Pemilihan perkahwinan *muta'ah* dengan watak wanita dan lelaki Muslim serta tokoh-tokoh agama, selain manipulasi aspek bahasa yang diolah mengikut teknik penceritaan satira di satu pihak, tetapi di pihak yang lain ia menimbulkan nada persendaan terhadap Islam. Lanjutan itu, Noritah merumuskan bahawa percubaan Azizi Hj. Abdullah untuk menampilkan *Kawin-kawin* sebagai novel satira melalui penggemblengan teknik penceritaan yang merujuk kepada ciri asasi genre sastera Barat itu telah menggelincirkan novel tersebut daripada lingkungan kerangka kesusasteraan Melayu.

Soal penggemblengan teknik penceritaan ini juga menjadi perkara yang dibangkitkan Mohd. Zariat Abdul Rani dalam rencananya *Wacana Seksualiti Insan dalam Novel Pujangga Melayu oleh Mohd. Affandi Hassan*. Sejalan dengan kerangka analisisnya yang menerapkan gagasan Persuratan Baru, beliau membangkitkan idea pokok gagasan tersebut yang membezakan antara “ilmu” (*knowledge*) dan “cerita” (*narrative*). Perbezaan ini diperhalusi dengan pendirian Persuratan Baru yang memberi keutamaan kepada “ilmu” dan meletakkan “cerita” pada kedudukan yang subordinat kepada “ilmu” dalam penghasilan karya sastera. Pembezaan antara “ilmu” dan “cerita” serta pengutamaan terhadap “ilmu” di satu pihak dan subordinasi terhadap “cerita” di pihak yang lain itu dianggap Persuratan Baru sebagai ciri yang penting dalam sastera Melayu yang diwarisi daripada tradisi persuratan Islam. Dalam konteks ini, tulisan ini dapat dilihat memperhalusi soal kerangka “sastera” dalam kesusasteraan Melayu yang berpaksikan Islam, seperti yang dibangkitkan Washima dan Noritah. Dengan pemahaman sedemikian, penting untuk difahami bahawa idea pokok Persuratan Baru tentang “ilmu” dan “cerita” itu beroperasi pada falsafah *Taklif* di sisi Islam, yang pengertiannya merujuk kepada keterikatan manusia sebagai Insan dengan Penciptanya, yakni Allah S.W.T. Terangkum dalam pengertian *Taklif* ini juga ialah tiga aspek lain yang penting, iaitu ilmu, keadilan dan ikhtiyar, yang kesemuanya dijadikan asas dalam penghasilan dan penghayatan karya sastera (Shah Wali Allah 1996: 199 & 238). Berteraskan falsafah tersebut, Persuratan Baru mengenalpasti keutamaan dalam pembikinan naratif yang kesemuanya bertunjangkan idea pokoknya, iaitu “keutamaan ilmu” (*primacy of knowledge*) dan “subordinasi cerita” (*subordination of narrative*). Keutamaan itu merujuk kepada pengejapan “paksi naratif” (*narrative axis*) yang bertunjangkan hal-hal kebaikan, berbanding kejahatan, yang seterusnya memungkinkan “ruang naratif” (*narrative space*) karya sastera didominasi watak yang berakhlak dan berkeperibadian tinggi. Analisis terhadap novel *Pujangga Melayu* karya Mohd. Affandi Hassan memperlihatkan bahawa seksualiti dan hal-hal lain yang berkait-rapat dengan soal kejantinaan manusia itu boleh diungkapkan dalam pengertian *Taklif*. Ini dimanifestasikan dengan jelas apabila naluri kejantinaan, cinta, gender dan poligami diberi penghuraian, penilaian, penghujahan dan rasional yang

berasaskan hakikat kedudukan diri manusia sebagai *Insan*, yang menurut Islam terikat dengan “janji” untuk menyembah Penciptanya (Al Attas 1978: 52-54). Analisis itu juga menjelaskan bahawa novel tersebut lebih banyak menggunakan bentuk “wacana” (*discourse*) berbanding dengan “cerita”. Pengutamaan terhadap bentuk “wacana” dan subordinasi terhadap bentuk “cerita” itu telah menjadi faktor penting yang meleakangkan *Pujangga Melayu* daripada bumbu-bumbu seks dan erotik, meskipun seks dan seksualiti manusia menjadi perkara pokok yang ditanganinya.

Seterusnya, penggemblengan wadah sastra juga menarik perhatian Ungku Maimunah Mohd. Tahir dalam rencananya *In The Shadow of Change: Images of Women in Indonesian Literature* oleh Tineke Hellwig: *Satu Ulasan Kritis*. Ulasan itu berdasarkan buku Tineke Hellwig mengkaji dua puluh lima buah novel dan 3 buah cerpan (cerpen panjang) daripada penulis Indonesia sepanjang tempoh lima puluh tahun. Ungku Maimunah membangkitkan interpretasi Hellwig tentang gender dan seksualiti di sisi Islam. Walaupun rapi dan tajam analisis Hellwig dalam pembikinan ideologi patriaki, pertikaian Ungku Maimunah lebih tertumpu kepada kebergantungan Hellwig pada tahap-tahap penelitian teks-teks kajiannya, terutamanya tahap *fabula* dan tahap *story* (cerita) yang dianggap boleh menawarkan pengamatan yang terbatas. Ungku Maimunah merujuk kepada keupayaan tahap *fabula* dan tahap *story* yang lebih menawarkan fokus terhadap peristiwa tentang pergelutan watak, tetapi meminggirkan keberkaitan hal-hal di luar batas-batas tahap *fabula* dan tahap *cerita*. Beliau menganggap interpretasi Hellwig yang berkaitan gender dan seksualiti di sisi Islam (yang diasaskan pada tahap *fabula* dan tahap *story*) adalah mengelirukan dan boleh mengundang pertikaian. Dalam hal ini dan sebagai alternatif dalam menangani keterbatasan tahap *fabula* dan tahap *story* yang dibangkitkan itu, Ungku Maimunah menyarankan kebergantungan sastra Melayu terhadap “cerita” itu dikaji semula, selain dipertimbangkan kemungkinan lain yang dapat meningkatkan karya sastra. Saranan ini merujuk kepada keupayaan karya sastra sebagai “satu medan tampungan ilmu yang sah yang memungkinkan idea dihujahkan secara ilmiah dalam wacana yang mantap, dihadirkan dalam ruang naratif karya sastra seperti novel atau cerpen. Adalah wajar jika karya sastra kreatif tidak bergantung sepenuhnya pada tahap *fabula* dan tahap *story*, tetapi diperluaskan tahap wacana yang mampu menawarkan pengamatan yang lebih mendalam dan kritis. Ungku Maimunah juga membangkitkan keberkaitan gagasan Persuratan Baru janaan Mohd. Affandi Hassan yang dianggapnya “sangat relevan dan wajar dipraktikkan” untuk berdepan dengan cabaran hidup masa kini yang begitu menitikberatkan penjaanan dan penguasaan ilmu pengetahuan.

Seperti yang dinyatakan pada permulaan, penerokaan gender dan seksualiti di alam Melayu baru sahaja bermula. Ini juga bererti masih banyak perkara perlu dilanjutkan dan ditingkatkan dalam usaha kita menyahut cabaran yang menanti di hadapan. Dalam konteks inilah, sembilan buah rencana yang termuat dalam keluaran khas ini telah berusaha untuk mengisi korpus ilmu itu dengan

menawarkan beberapa perbahasan, penelitian serta penemuan. Adalah menjadi harapan agar usaha kecil ini dapat memberi sumbangan yang bererti dalam keserjanaan ilmu di Alam Melayu, selain menawarkan kemungkinan untuk usaha ilmiah yang selanjutnya.

Sexuality in the Malay World: Discourse, Perception and Manifestation

The collection of articles in this special issue, originated as working papers presented at a *Seminar on Gender and Sexuality: Discourse, Interpretations and Manifestations* held on 10 August 2004 at the Institute of the Malay World and Civilization (ATMA) at Universiti Kebangsaan Malaysia, represent various negotiations on issues related to gender and sexuality in the Malay world. The Western perspective of gender and sexuality has a long history, but interest in the Malay world is fairly recent. Sexuality is not a subject discussed openly, and the papers here are groundbreaking because they highlight gender and sexual concepts in the Malay world which have been marginalized or silenced.

Ruzy Suliza Hashim's paper entitled *Meniti Duri dan Ranjau: Pembikinan Gender dan Seksualiti dalam Konteks Dunia Melayu* illuminates the construction of gender in the Malay world by comparing it to Western theories and empirical data. Among other things, Ruzy brings up the issue of dichotomy between the public and private domains which impinges on the ways in which Malays construct gender values and sexuality. Briefly, the Western perspective of gender has been an analytical category to draw a line of demarcation between biological sex differences and the ways these are used to inform behaviours and competencies, which are then assigned as either "masculine" or "feminine". The purpose of affirming a sex/gender distinction was to argue that the actual physical or mental effects of biological difference has been exaggerated to maintain a patriarchal system of power and to create a consciousness among women that they were naturally better suited to "domestic" roles.

The manifestation of this dichotomy can be traced in a number of traditional Malay works. Malay women are confined to the domestic space. Even when circumstances arise which allow the women to leave their private space, when they have fulfilled their duties, they will resume their domestic roles. Based on various examples, Ruzy argues that the Malay society and its beliefs, norms, culture mould the ways in which men and women learn the ways to live within their specified gender roles.

Ahmad Shehu's paper on *Gender and Sexuality: An Islamic Perspective* provides a *wasatiyyah* approach to understanding gender and sexuality. The *wasatiyyah* point of view offers a moderate position which is based on the true teaching of Islam without the influence of cultural practices. Ahmad Shehu contends that Islam provides guidelines for both men and women so that each

sex complements the other as God has intended. Detailing Qur'anic and prophetic directives, cultural and linguistic influence which trigger misinterpretations, and providing examples of Islamic codes for men and women, Ahmad Shehu shows that Islam itself does not promote discriminatory practices between the sexes.

The reality of the Malays is that their lives are dictated by the teachings of Islam as stated in al-Quran and Hadith (Al-Attas 1972). Haji Bukhari Lubis, in his article entitled *Argumen Kesetaraan Gender – Satu Perspektif al-Quran: Suatu Ulasan* offers a discussion about gender and sexuality from the perspective of Islam. His review is based on Nasaruddin Umar's book entitled *Argumen Kesetaraan Gender – Satu Perspektif al-Quran* which brings up two main issues related to the relationship between men and women which are "distinction" and "discrimination." It is clear to Muhammad Bukhari that biological sex differences should not equate domination of one sex over another. Instead, he argues that biological differences make possible for love between the two to blossom (*mawaddah wa rahmah*) because each gender has his or her own roles to play which complement each other. This kind of understanding is in tandem with Islamic principles that exist to ensure equality and happiness, peace and harmony, in the spirit of staying clear of acts that are forbidden in Islam (Abdullah Yusuf Ali 1938: 1056; Khan 1990: 31).

Nasaruddin Umar, according to Muhammad Bukhari, questions the view that Islam legitimizes the discrimination of women. Women are not necessarily confined to the domestic space as articulated by Ruzy. Indeed, al-Quran provides several models of women whose roles and contributions exemplified their participation in the public domain. Muhammad Bukhari reiterates the point that Islam does not stipulate that women's domain is restricted to the private sphere only. His confirmation, based on his review of the book, strengthens Ruzy's argument that the gender and sexual dichotomy inherent in the Malay world is constructed, but not in strict adherence to the principles of Islam as predetermined by al-Quran and Hadith.

Making Sense of Malay Sexuality: An Exploration, a paper by Shamsul A. B. and Mohamad Fauzi B.S. provides an insight into the Malay construction of sexuality. The case of the sacked former Deputy Prime Minister of Malaysia, Dato Seri Anwar Ibrahim, accused of engaging in a homosexual relationship which leads to his disgraceful exit from mainstream politics, brings into open a lively discussion on sexuality. Previous sex scandals involving high profile politicians have always been hushed or handled rather covertly; either the politician takes the initiative to resign or the scandal is labelled as a vicious political gossip. The way in which a sex scandal is tackled makes obvious its taboo status in the Malay context. However, the openness in which Malays responded to Anwar's case changes the paradigm of the Malay perception of sexuality, from the private sphere to the public sphere. Sex is no longer taboo; in fact it has acquired the status of "coffeeshop" topic, not something intimate discussed behind closed doors. The sensation caused by Anwar's case, the

explicit terms used, and the sexual acts being overtly detailed in newspaper reports illustrated the transformation the Malay community underwent in discussing sexuality. Shamsul and Fauzi show that the contradictions are inherent in the way in which Anwar's case is handled and how it also reflects the ambivalent relationship of Islam and politics in Malaysia.

Ding Choo Ming's paper, *Wajah Terbuka dan Hidup Tertutup: Gender dan Seksualiti Karya Sastera Melayu Riau Pinggir Abad ke 19*, highlights the roles and contributions of Malay women during the feudal period. Women were confined to their domestic space; hence their voices were muted in the public space. To show what women's lives were like behind the curtains, Ding explores the writings of two women, Khatijah Terong (1885-1955) and Raja Aisyah Sulaiman (1870-1925) who appeared to have demolished the wall that separates the private and public domains. The writings of these women have become literary artifacts which allow them to have a voice in the public domain.

Khatijah Terong was a female shaman prior to her marriage to Raja Haji Abdullah. While her marriage may have allowed her the advantage to participate in the public domain, the existence of her manual of sexual relationship between the husband and wife shifted private sexual topics to public discourse. Raja Aisyah Sulaiman's place in the public domain was more successful especially after her husband's demise where she used her writings to protest against male pressure and sexual harassment. Raja Aisyah's narratives reflect feminist consciousness, especially her observation of the weaknesses of men. Ding's article provides another insight into our understanding of the Malay conception of gender and sexuality, especially into the strategies of Malay women writers who defied the private domain allotted to them and are now considered as pioneers of Malay feminist thought.

Washima Che Dan frames her discussion within the sociolinguistic sphere of prescriptive versus descriptive debates on language, juxtaposing the verbal hygiene practice of political correctness with definitions of what is literature in her paper *Politically Incorrect Literature? A Feminist Critique of the Sexual Discourse of the Modern Malay Novel*. The language under scrutiny in her article is the language of the modern Malay novel, particularly pertaining to its treatment of sex and sexuality. A feminist critique of the language of the modern Malay novel in relation to verbal hygiene practices reveals a predictable disregard of political correctness in the way that women and their sex and sexuality are represented. She argues that the manner in which the issue of sex and sexuality is depicted in Malay novels runs contrary to the concept of literariness and shifts discussion of intimate and private matters into the sphere of public discourse.

Noritah Omar's paper, *Colonialism and Malay Masculinity: Reading Malay Satire in Kawin-Kawin*, evaluates the novel *Kawin-Kawin* as a satire, and a mode of forming social criticism on Malay society. Noritah argues that an assessment of the suitability of such genre must consider the target audience

and the Islamic cultural context within which the novel is situated. Appropriating postcolonial feminist framework, Noritah identifies that cultural domination which privileges men with control and power in a legal binding such as the *mut'ah* reduces women to be objects of sexual pleasure. Her reading of cultural domination includes the analysis of notions of hegemonic masculinity and colonialism pertaining to Malay writings which may be considered as postcolonial. Both notions are considered to share similarities in their functions and effects on marginalized groups. Islam and women are two categories framed within the debate on the operation of colonialism and Malay masculinity. She concludes with issues relating to the evaluation of the literariness of Malay writings and the need for their detachment from Western literary frameworks in order to break away from lingering aspects of colonialism.

The technique of telling a story is highlighted in Mohd. Zariat Abdul Rani's paper, *Wacana Seksualiti Insan dalam Novel Pujangga Melayu oleh Mohd Affandi Hassan*. Using a new uncharted framework called "Genuine Literature" a literary theory of writing proposed by Mohd Affandi Hassan, Mohd Zariat differentiates two notions of writing – primacy of knowledge and subordination of narrative. "Genuine Literature" framework emphasizes primarily on the knowledge, putting the narrative as secondary in a creative work. Literariness therefore is based on the content accentuating knowledge rather than on the telling of the story (narrative). This philosophical framework is in line with the Islamic literary tradition where knowledge is prioritised above narrativity. The literariness of Malay works would then embraced itself within Islamic principles, as argued earlier in Washima's and Noritah's articles. "Genuine Literature" takes on the philosophy of *taklif* which is defined as the bondage of human beings to God. *Taklif* also embodies three important aspects – knowledge, fairness and agency – the foundation in the production and understanding of literary works (Shah Wali Allah 1996: 199 & 238). Based on this philosophy, "Genuine Literature" identifies key elements in literature as embracing the primacy of knowledge and subordinating the narrative. Hence, the narrative axis focuses on things good, rather on things evil. The narrative space is peopled by virtuous and dignified characters as exemplified by the creative work of Mohd Affandi Hassan, *Pujangga Melayu*. While his novel focuses on sexuality and matters related to gender, the issue is couched in tandem with the concept of *taklif*. The work emphasizes knowledge rather than the telling of a story, minimizing eroticism in its content even though the work itself centers on sex and sexuality.

Ungku Maimunah *In the Shadow of Change: Images of Women in Indonesian Literature oleh Tineke Hellwig: Ulasan Kritis*, reviews Hellwig's study of twenty-five novels and three short stories of Indonesian writers. While Hellwig's study showed interesting findings on Indonesian literature, Ungku Maimunah criticizes Hellwig's research which focuses merely on the level of fabula, with its emphasis on the telling of the stories. Hellwig's consideration on these two elements marginalizes issues considered irrelevant in the writers'

narratives. Hence, Hellwig's interpretation of gender and sexuality in Islam is confusing because of her focus on narration, not knowledge. Ungku Maimunah recommends that the focus on the narration of literary works be revised to allow other muted elements in the works to be highlighted. Hence, literature becomes a legitimate and privileged site for knowledge, not merely an agent of entertainment. To achieve this state of enlightenment, Ungku Maimunah suggests the appropriation of Mohd Affandi Hassan's framework of "Genuine Literature" as a tool of critical and literary analysis.

The papers in this volume represent some preliminary insights into gender and sexuality in the Malay world. Clearly more studies delving into this subject matter need to be carried out, especially those that engage in multidisciplinary methods of analysis. The nine edited papers from the seminar make a small contribution to studies about the Malay world and hopefully offer possibilities and pointers for future research.

Al-Attas, S.M.N. 1972. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

_____. 1978. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

_____. 1979. *Aims and Objectives of Islamic Education*. Jeddah: Hodder and Stoughton, King Abdulaziz University.

Khan, Q. 1990. *Status of Women in Islam*. New Delhi: Sterling.

Shah Wali Allah of Delhi's. 1996. *Hujjat Allah al-Baligha: The Conclusive Argument from God*. Terj. Marcia K. Hermansen. Leiden: E.J. Brill.

Yusuf Ali, A. 1975. *The Holy Quran: Text, Translation & Commentary Volume I*. Lahore: Sh. Muhammad Ashraf.

Guest editors

Mohd. Zariat Abdul Rani, Ph D

Ruzy Suliza Hashim, Ph D